

## Kemahiran



## Bertulis

## A

## Sistem Bahasa

### Kata Kerja

Buku teks, hlm. 22, 73, 131, 166



**Nota SMART**

### Kata Kerja

1. Kata kerja ialah kata yang digunakan untuk menerangkan sesuatu perbuatan atau keadaan melaksanakan sesuatu.
2. Kata kerja dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu:
  - (a) Kata kerja tak transitif
  - (b) Kata kerja transitif

### Kata Kerja Tak Transitif

1. Kata kerja tak transitif tidak memerlukan objek atau penyambut sesudahnya.
2. Kata kerja ini dibahagikan kepada dua kumpulan, iaitu:
  - (a) Kata kerja tak transitif tanpa pelengkap
    - i. Contohnya: *pergi, tidur, menyanyi, mengalir, membesar, terduduk, terbaring, berguguran, bermaafan, berjauhan*, dan sebagainya.
    - ii. Kata kerja yang dapat berdiri sendiri tanpa objek atau penyambut untuk melengkapkan maksud ayat.  
Contoh:
      - Semua tamu telah pulang.
      - Budak itu menangis kerana kelaparan.
  - (b) Kata kerja tak transitif berpelengkap
    - i. Memerlukan pelengkap selepas kata kerja untuk menyempurnakan maksud ayat.
    - ii. Pelengkap terdiri daripada kata nama, kata adjektif, atau frasa sendi.
    - iii. Contohnya: *menjadi, bermain, berbuat, berdaunkan, berhakimkan*, dan sebagainya.

### Kata Kerja Transitif

1. Kata kerja transitif dibahagikan kepada dua, iaitu
    - (a) Kata kerja aktif
    - (b) Kata kerja pasif
  2. Kata kerja aktif transitif merupakan kata yang memerlukan objek untuk menyampaikan maksud dalam bahagian predikat.
  3. Objek bagi kata kerja itu mestilah terdiri daripada kata nama (KN) atau frasa nama (FN).
  4. Kata kerja yang mengandungi objek dapat membentuk frasa kerja dan bertugas sebagai predikat dalam ayat.
- Contoh: • Abang sedang membaca surat khabar.

Contoh: • Abang sedang membaca surat khabar.

• Akmal mengayuh basikal ke sekolah.

5. Contoh kata kerja aktif transitif ialah *memperoleh, memasuki, mempersoalkan, mengesahkan, mempelajari, memperlati*, dan sebagainya.

### Kata Kerja Pasif

1. Kata pasif ialah kata yang digunakan dalam ayat pasif.
2. Mengutamakan objek atau penyambut sebagai unsur yang diterangkan dalam ayat.
3. Contoh kata kerja pasif ialah *diambil, terangkat, terlanggar, kelaparan, berjawab, sampaikan*, dan sebagainya.

**Praktis PT3 Bahagian A**

### Soalan 1 – 6

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang **paling** sesuai.

1. Encik Hassan \_\_\_\_\_ kebun sayurnya menggunakan beberapa gulung kawat.  
A melingkari                      C melilitkan  
B memagar                        D melingkungi

2. Pengguna jalan raya hendaklah \_\_\_\_\_ peraturan lalu lintas untuk mengelakkan kemalangan.
- A mematuhi  
B mentaati  
C menjalani  
D menepati

3. Dahi adik benjol kerana \_\_\_\_\_ buju meja makan.  
A tertusuk                      C terhantuk  
B terhentak                    D tersadung
4. Langkah memperdalam sungai itu adalah untuk \_\_\_\_\_ kejadian banjir di kawasan sekitar.  
A mengelakkan      C menjauhkan  
B membebaskan      D menepis
5. Pekerja cari gali di pelantar minyak itu dikejarkan ke hospital kerana \_\_\_\_\_ gas beracun.  
A termakan              C terhirup  
B terhidu                  D terkesan
6. Ikram dan Syukri mengikut Pak Cik Arif \_\_\_\_\_ sotong di Terengganu.  
A memancing      C menjala  
B mencandat      D menuba

**Soalan 7 – 8**

Pilih ayat-ayat yang menggunakan perkataan berhuruf condong dengan betul.

7. I Monyet-monyet itu *bergayutan* di dahan-dahan pokok sepanjang jalan ini.

- II Pemandu bas itu melarang para penumpang *bergayutan* di tangga bas.  
III Lampu-lampu hiasan itu *bergayutan* di halaman rumah Pak Mail.  
IV Abang dimarahi oleh ibu kerana baju-bajunya *bergayutan* di dalam biliknya.  
A I dan II sahaja  
B III dan IV sahaja  
C I, II, dan III sahaja  
D II, III, dan IV sahaja
8. I Ibu menyuruh adik *mengacukan* baju kurung itu pada badannya.  
II Perompak itu *mengacukan* sebilah pisau ke arah pemandu teksi itu.  
III Anim *mengacukan* adunan kuih itu dengan acuan kuih yang berbentuk bintang.  
IV Pemain itu *mengacukan* bola ke arah pintu gol dengan kuat sekali.  
A I dan II sahaja  
B III dan IV sahaja  
C I, II, dan III sahaja  
D II, III, dan IV sahaja

**Praktis PT3 Bahagian B**

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Kenal pasti kesalahan tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

1. Berita tentang kemalangan yang mengenai keluarga Edrina di luar negara itu mengejutkan kami.  
\_\_\_\_\_
2. Nahas jalan raya yang meragut nyawa anak-anak Pak Karim baru-baru ini sungguh menyinggung hati kami.  
\_\_\_\_\_
3. Peluang Kamil untuk bebas daripada pertuduhan itu cerah kerana keterangannya beralaskan bukti-bukti yang kukuh.  
\_\_\_\_\_
4. Kereta yang dipandu Encik Haris hilang kawalan lalu terpesong ke dalam gaung.  
\_\_\_\_\_
5. "Adik hendaklah berhenti di bahu jalan sebelum merentas jalan raya," pesan kakak kepada adiknya.  
\_\_\_\_\_